

DATE: 17/08/2007

# Kemakmuran cara Malaysia

UM- 17/8/2007

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

**KUALA LUMPUR** 16 Ogos - Kejayaan Malaysia menjadi sebuah negara makmur dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta berdaya saing adalah hasil daripada pendekatan berhati-hati dalam pembangunan mengikut 'Cara Malaysia', kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, 'Cara Malaysia' menampilkan empat prinsip iaitu kestabilan politik, pembuatan dasar yang pragmatik, penumpuan kepada pembinaan keupayaan dan pelaksanaan yang selaras.

Katanya, prinsip-prinsip itu telah memacu negara mengharungi pelbagai liku sejak mencapai kemerdekaan 50 tahun lalu.

"Dari hari-hari awal Perikatan hingga ke Barisan Nasional (BN) hari ini, kestabilan politik Malaysia dibina berasaskan perkongsian kuasa, kompromi dan toleransi yang ikhlas.

"Malaysia juga tidak pernah bersifat ideologikal dalam isu pembangunan tetapi lebih berminat untuk mengangkat pelbagai strategi merentasi ideologi untuk menepati keperluan semasa.

"Walaupun tidak terikat kepada mana-mana pemikiran ekonomi, semangat ikhlas pembuat dasar untuk melakukan yang terbaik untuk negara terus kekal," kata Perdana Menteri dalam ucapan pada Seminar Perincian 50 Tahun Pembangunan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Seminar dan syarahan makan tengah hari itu dianjurkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan turut dihadiri oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Sulaiman Mahbob.

## ● Teks penuh ucapan PM muka 10

Abdullah berkata, tumpuan negara dalam bidang infrastruktur dan pembangunan modal insan telah memberi faedah kepada Malaysia dan akan terus menjadi pemboleh utama untuk kejayaan akan datang.

"Akhir sekali, pengalaman Malaysia menjadi nyata dengan tumpuan terhadap aspek pelaksanaan di mana kerajaan menikmati hubungan yang baik dengan sektor swasta.

"Melalui konsep Persyarikatan Malaysia dan Perkongsian Pintar, sektor awam dan swasta telah memainkan peranan masing-masing dalam menggalakkan perkembangan Malaysia," ujarnya.

Abdullah menegaskan, negara tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian itu kerana cabaran bakal dihadapi dalam bentuk globalisasi yang memaksa negara menjadi lebih berdaya saing.

Perdana Menteri dalam ucapannya menamakan beberapa strategi baru negara termasuk Misi Nasional yang menekankan kepentingan konsep tambah nilai.

Dari aspek ekonomi, katanya, konsep tersebut merujuk kepada keperluan negara



ABDULLAH Ahmad Badawi memegang buku *50 Years of Charting Malaysia's Development* sambil diperhatikan oleh Sulaiman Mahbob selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Perincian 50 Tahun Pembangunan Malaysia dan pelancaran buku tersebut di Kuala Lumpur, semalam.

Gambar ASWAD YAHYA

**'Cara Malaysia' menampilkan empat prinsip iaitu kestabilan politik, pembuatan dasar yang pragmatik, penumpuan kepada pembinaan keupayaan dan pelaksanaan yang selaras**

meraih nilai maksimum daripada sumbernya yang terhad seperti dalam industri minyak kelapa sawit dan sumber manusia.

"Sebagai pemimpin, saya melihat masa saya sebagai Perdana Menteri sebagai peluang untuk menambah nilai kepada sumbangan pemimpin terdahulu.

"Sebagai rakyat Malaysia, kesemua kita memiliki tanggungjawab untuk menambah nilai bagi melakukan yang terbaik dalam peranan yang telah diberikan kepada kita," ujar beliau.

Abdullah turut menekankan kepentingan peranan sektor awam menerusi penyertaan mereka sebagai peserta aktif da-

lam menjana proses pembangunan.

Katanya, peranan sektor awam merupakan asas kepada pertumbuhan Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor, Koridor Utara, Koridor Timur dan Koridor Pembangunan Sabah dan Sarawak.

"Ketika kerajaan meneruskan peranannya sebagai fasilitator dan pemboleh pertumbuhan ekonomi, kita kini menjemput pelabur swasta untuk melabur dalam infrastruktur bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi di wilayah-wilayah tersebut.

"Dengan melibatkan sektor swasta, kita boleh memastikan pelaburan yang perlu dilakukan dalam cara yang menguntungkan

kan dan cekap," jelas beliau.

Pendekatan ini, kata Perdana Menteri, turut ketara dalam konsep inisiatif kewangan swasta (PFI) yang mana kontraktor swasta diberi insentif untuk memastikan pembinaan dan penyelenggaraan fasiliti dijalankan menggunakan kaedah yang cekap kos.

"Dalam kedua-dua contoh itu, objektif mereka adalah mengubah hubungan antara kerajaan dan sektor swasta serta memainkan kekuatan masing-masing sebagai rakan dalam proses pembangunan," kata beliau.

Bercakap mengenai aspek pelaksanaan pula, Abdullah percaya kerajaan telah berjaya meningkatkan keupayaannya menerusi projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) sebagai pemegang amanah pelaksanaan projek impak tinggi.

"Pelaksanaan yang berjaya perlu bagi perancangan yang berkesan. Kerajaan komited dalam memastikan pelaksanaan RMK-9 berjalan lancar dan menurut perancangan," ujarnya.

ABDULLAH  
AHMAD BADAWI  
Perdana Menteri